

Azman dilantik Pengerusi BERNAMA

Putrajaya: Datuk Seri Azman Ujang dilantik sebagai Pengerusi BERNAMA, agensi berita nasional yang beliau pernah menjadi wartawan, pengurus besar dan ketua pengarangnya.

Pelantikan wartawan kelahiran Sarawak berkuat kuasa 1 Februari lalu itu adalah menggantikan Datuk Abdul Rahman Sulaiman yang telah berkhidmat sebagai pengerusi ke-10 selama enam tahun.

Azman adalah orang pertama menyandang tiga jawatan tertinggi, iaitu sebagai pengerusi, pengurus besar dan ketua pengarang bagi agensi yang ditubuhkan 48 tahun lalu.

Pelantikan Azman mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong

Tuanke Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak menyerahkan surat pelantikan itu kepada Azman di pejabatnya di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari dan Pengurus Besar BERNAMA, Datuk Zulkefli Salleh.

Azman menyandang pelbagai jawatan di BERNAMA dalam kariernya yang menjangkau 37 tahun sebelum bersara sebagai pengurus besar pada 2008.

Pada majlis sama, Salleh juga menyampaikan surat pelantikan kepada Ahli Lembaga Pengelola BERNAMA.

Mereka termasuk Pengarang



Salleh Said beramah mesra dengan Ahli Majlis Penyeliaan dan Lembaga Pengelola BERNAMA selepas majlis penyerahan surat pelantikan mereka di Putrajaya, semalam. Hadir sama Azman (tiga dari kiri) dan Abdul Jalil (empat dari kanan).
[FOTO BERNAMA]

Urusan Kumpulan New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, Datuk Abdul Jalil Hamid; Ketua Pengarang Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Datuk Abdul Aziz Ishak; Ketua Pengarang Utusan

Borneo, Lichong Angkui dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Datuk Mohid Mohamed.

Salleh juga menyampaikan surat pelantikan kepada anggota ba-

haru Majlis Penyeliaan Bernama, termasuk Sharifah Zarah dan Naib Canselor **Universiti Kebangsaan Malaysia**, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali.

BERNAMA